

UCAPAN

YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

DI MAJLIS SAMBUTAN HARI ORANG KURANG UPAYA PERINGKAT

KEBANGSAAN TAHUN 2013

DI PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN SULTAN SALAHUDDIN

ABDUL AZIZ SHAH, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA, SERDANG,

SELANGOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir ke majlis yang sangat bermakna pada pagi ini dalam suasana yang sungguh meriah lagi ceria di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor sempena Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2013.

Saya difahamkan pada hari ini, seramai lebih daripada 2,000 orang OKU seluruh negara 'berkampung' di Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk

bersama-sama menjayakan Majlis Sambutan Hari OKU Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2013. Saya dapat merasakan kemeriahan Sambutan Hari OKU pada kali ini sebaik sahaja melintasi ruang tapak Karnival Sambutan Hari OKU hinggalah saya memasuki dewan serba indah ini. Kehadiran OKU yang begitu ramai dari seluruh negara juga membuatkan saya sangat teruja kerana golongan OKU sememangnya istimewa di hati saya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak UPM terutama sekali kepada Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, Naib Canselor UPM atas kesudian menjalin kerjasama bagi menjayakan Sambutan Hari OKU yang julung kalinya diadakan di Universiti ini. Selain itu, Sambutan Hari OKU kali ini mendapat kerjasama daripada Pertubuhan Sukarela Kebajikan OKU dalam merangka dan menyediakan program yang bersesuaian dengan kehendak OKU memandangkan ini adalah hari istimewa mereka. Kerjasama seumpama ini dapat memberi pendedahan dan peluang kepada generasi muda terutamanya golongan mahasiswa untuk berintergrasi dengan OKU ke arah mewujudkan masyarakat penyayang.

Pada hari ini saya merasa amat gembira dan ingin merakamkan ucapan setinggi tahniah kepada YB Senator Puan Bathmawati a/p Krishnan atas pelantikan beliau sebagai Senator OKU yang kedua pada 18 November 2013. Saya berharap dengan pelantikan beliau, golongan OKU dapat menyuarakan isu-isu berkaitan OKU dan suara mereka didengari melalui wakil mereka di Parlimen. Pelantikan ini juga adalah selaras dengan Akta OKU 2008 yang mana semua OKU perlu diberi peluang sama rata dalam semua aspek kehidupan.

Hadirin yang dihormati.

Tarikh 3 Disember merupakan hari yang sungguh besar ertinya kepada OKU seluruh dunia memandangkan pada tarikh ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkan sebagai Hari OKU Antarabangsa pada tahun 1992. Selaras dengan komitmen antarabangsa, kerajaan turut meraikan hari tersebut sejak tahun 1994. Berdasarkan perkiraan, kita telah meraikan Hari OKU selama hampir 19 tahun dan akan terus meraikannya pada tahun-tahun akan datang.

Sebagai makluman objektif sambutan Hari OKU Peringkat Kebangsaan adalah untuk:

- i) menyetengahkan usaha kerajaan dalam memenuhi hak dan keperluan OKU;
- ii) menjadi pemangkin dan faktor perangsang kepada semua pihak agar lebih prihatin dan peka kepada keperluan OKU; dan
- iii) membolehkan OKU bergembira bersama keluarga dan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

Sambutan ini juga merupakan salah satu daripada manifestasi dan komitmen kerajaan untuk meningkatkan potensi, nilai diri serta penghormatan kepada OKU yang begitu banyak berjasa kepada pembangunan negara ini. Pada tahun ini, sambutan Hari OKU adalah berkonsepkan karnival yang mempunyai pelbagai aktiviti permainan, jualan produk daripada program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) serta Pertubuhan Sukarekalah Kebajikan dan pameran. Majlis perasmian ini akan turut dilengkapi dengan penyampaian Anugerah Pelajar OKU cemerlang, Penghargaan Majikan Prihatin serta Penghargaan Kemudahan Reka Bentuk Sejangat dan Alam Bina.

Hadirin yang dihormati,

Tema Sambutan Hari OKU Peringkat Kebangsaan pada tahun ini ialah **“Hapuskan Halangan, Berikan Peluang: Ke Arah Kesaksamaan Dalam Masyarakat”**. Tema ini bertepatan pada masanya untuk meningkatkan lagi kesedaran masyarakat berhubung isu ketidakupayaan dan juga aksesibiliti yang merupakan perkara utama dalam memastikan golongan OKU mendapat kesaksamaan hak dan peluang seperti anggota masyarakat yang lain dalam semua aspek kehidupan. Langkah ini juga penting dalam memastikan penyertaan penuh dan efektif golongan OKU dalam masyarakat.

Sesungguhnya pihak kerajaan amat sedar dan memberi perhatian sepenuhnya bagi menyediakan persekitaran yang bebas halangan dan kemudahan yang mesra OKU dalam memastikan golongan ini dapat menjalani kehidupan dengan selesa. Aksesibiliti bukan sahaja terhad kepada aspek persekitaran dan kemudahan, tetapi turut melibatkan beberapa perkara yang berkait rapat dengan kehidupan seperti pendidikan, sukan, kebudayaan, pengangkutan, perumahan dan perbankan.

Tuntutan penyediaan kemudahan yang mesra OKU sememangnya termaktub dalam Dasar OKU, Akta OKU 2008 dan perundangan-perundangan lain, garis panduan dan piawaian Standard Malaysia (*Malaysian Standard*) berkaitan aksesibiliti OKU yang sedang berkuat kuasa. Justeru, pihak kerajaan sentiasa berusaha bagi memastikan segala keperluan ini dapat dilaksanakan dengan sewajarnya.

Lantaran itu, saya ingin menyeru semua pihak berwajib dalam penyediaan kemudahan awam seperti Pihak Berkuasa Tempatan, badan profesional, perancang dan penyedia perkhidmatan awam, dan pemaju perumahan untuk meningkat dan memperbaiki tahap aksesibiliti OKU khususnya kepada bangunan, kemudahan awam dan persekitaran agar golongan OKU dapat menikmati faedah pembangunan negara secara adil dan inklusif.

Selain itu, pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan penyertaan yang efektif oleh golongan OKU serta memberi peluang ke arah kesaksamaan dalam masyarakat. Ini termasuklah penubuhan 2 buah Jawatankuasa di bawah Majlis Kebangsaan Bagi OKU bagi menangani isu-isu berkaitan aksesibiliti iaitu Jawatankuasa Reka Bentuk Sejangat dan Alam Bina serta Jawatankuasa Pengangkutan. Beberapa inisiatif lain juga telah dirancang bagi

meningkatkan tahap aksesibiliti OKU kepada persekitaran fizikal. Antaranya mengadakan sesi audit akses terhadap bangunan di sekitar KL Sentral, membangunkan *Universal Design Index / Building Rating System*, mewujudkan manual *Disaster Preparation and Reserve Training for OKU* dan *Star Rating on Accessible Buildings*.

Akses kepada pengangkutan awam juga merupakan salah satu aspek penting bagi memastikan OKU menikmati hak inklusif dalam masyarakat. Dalam hal ini, Kementerian Pengangkutan selaku peneraju Jawatankuasa Pengangkutan berusaha memastikan pengangkutan awam di negara ini dapat diakses oleh setiap golongan masyarakat termasuk golongan OKU. Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan ialah:

- i) menaik taraf 24 buah stesen transit aliran ringan (LRT);
- ii) menyediakan sebanyak 10 buah stesen komuter dan 4 buah stesen pertukaran antara bandar (*interchanges*) yang mesra OKU;
- iii) pembelian 38 set keretapi enam kereta (*six-car trains - Electric Multiple Units (EMUs)*) yang dilengkapi dengan kemudahan yang berasaskan kepada reka bentuk sejagat;

- iv) penyediaan kemudahan pengangkutan alternatif dari pintu ke pintu (*door-to-door transportation service*) untuk golongan OKU khususnya yang berkerusi roda melalui perkhidmatan *Rapid Mobility* oleh pihak RapidKL.

Hadirin yang dihormati

Cabaran bagi mendapatkan peluang pekerjaan bagi OKU adalah satu lagi isu yang menarik perhatian dan perlu diambil tindakan khusus bagi memastikan OKU mendapat pembelaan sewajarnya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa isu pekerjaan mempunyai kaitan secara langsung dengan aksesibiliti alam bina. Sekiranya persekitaran alam bina boleh diakses OKU, sudah tentu peluang OKU untuk mendapat pekerjaan terbuka lebih luas. Sesungguhnya golongan OKU memerlukan pekerjaan dan pendapatan bagi membolehkan mereka hidup berdikari dan tidak mengharapkan simpati atau belas ehsan daripada orang lain.

Walau bagaimanapun, masih terdapat pelbagai rintangan dalam persekitaran yang menyebabkan akses OKU kepada pekerjaan agak sukar. Rintangan ini bermula sekiranya pihak majikan masih mempunyai sikap prejudis dan persepsi negatif terhadap OKU. Malah lebih malang

lagi sekiranya keupayaan dan kebolehan OKU melakukan sesuatu pekerjaan sentiasa diragui dan dianggap tidak menyumbang kepada produktiviti mereka.

Oleh yang demikian, perubahan persepsi dari pihak majikan adalah penting. Fokus terhadap keupayaan golongan OKU dan bukan melihat kepada ketidakupayaan mereka merupakan asas utama bagi pihak majikan untuk menawarkan pekerjaan kepada OKU.

Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, bagi tempoh tahun 1990 hingga bulan Ogos 2013, seramai 13,973 OKU telah berdaftar untuk mencari pekerjaan dalam sektor swasta melalui SPOKU. Daripada jumlah tersebut, seramai 9,176 (66%) OKU telah berjaya mendapat pekerjaan dan ditempatkan di pelbagai sektor pekerjaan.

Manakala berdasarkan rekod Jabatan Perkhidmatan Awam setakat bulan Disember 2012, seramai 1,754 orang penjawat awam dalam kalangan OKU sedang berkhidmat dalam pelbagai kumpulan perkhidmatan di pelbagai kementerian/jabatan/agensi Kerajaan.

Dalam hubungan ini, kerajaan mengalu-alukan majikan yang sanggup menyediakan prasarana dan kemudahan mesra OKU bagi

membolehkan OKU bergerak bebas dan menguruskan kerja seharian dengan lebih efisien.

Sehubungan itu, pada tahun ini Kerajaan akan memberi anugerah "*Outstanding Opportunities for the Persons with Disabilities*" kepada majikan yang prihatin dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada OKU. Adalah menjadi harapan kerajaan agar lebih banyak majikan tampil menjalankan aktiviti tanggungjawab sosial korporat pada masa akan datang. OKU tidak seharusnya dilihat sebagai golongan yang lemah, tidak terdaya atau mengharapkan belas ehsan daripada orang lain semata-mata. Walaupun mereka mempunyai ketidakupayaan dari segi fizikal atau mental, saya percaya setiap OKU mempunyai potensi yang tersendiri yang boleh dibangun dan digilapkan. Seperti hari ini potensi mereka telah terselah dengan adanya acara penyampaian anugerah khas OKU terutamanya dalam kecemerlangan akademik.

Hadirin yang dihormati,

Kesungguhan Kerajaan dalam memastikan pembangunan dan kebajikan OKU sentiasa mendapat pembelaan terbukti berdasarkan peruntukan sejumlah RM441 juta seperti mana yang diumumkan oleh

YAB Perdana Menteri semasa Pembentangan Bajet 2014 pada 25 Oktober 2013. Dengan peruntukan sedemikian, KPWKM dan JKM akan berusaha bersungguh-sungguh menyediakan pelbagai kemudahan bantuan kebajikan dan perkhidmatan sokongan untuk membantu OKU memaksimumkan potensi yang ada dan seterusnya menikmati kehidupan yang lebih sempurna.

Pada hari ini juga saya merasa amat gembira dan teruja kerana terdapat satu lagi inisiatif yang diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam usaha membantu mereka yang mempunyai masalah penglihatan membaca dan mempelajari Al-Quran. Dalam hal ini, satu projek yang dinamakan Sistem Al-Quran Braille Elektronik akan dilaksanakan bagi membantu memudahkan golongan OKU penglihatan membacanya. Sehubungan itu, satu *Memorandum of Understanding* (MoU) berhubung pelaksanaan Projek Sistem Al-Quran Braille Elektronik akan ditandatangani oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada hari ini.

Hadirin yang dihormati,

Saya berharap sambutan Hari OKU akan dapat memberikan suntikan, semangat kepada OKU untuk terus cemerlang dalam hidup mereka.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur yang terdiri daripada warga kerja JKM serta UPM dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan **Selamat Menyambut Hari OKU Peringkat Kebangsaan 2013** kepada semua warga OKU di Malaysia.

Seterusnya dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2013 .

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wasallam Mualaikum W.B.T.